



Headline: Tidak serik-serik ditipu scammer
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 29 April 2020

Language: Malay
Section: Suara Sinar
Page: 14

Tidak serik-serik ditipu scammer



ANALISIS
MUKA 14

MUHAMMAD AFHAM RAMLI

KETIKA rakyat negara ini sedang diancam wabak Covid-19, kejadian jenayah siber terus berlaluasa.

Jenayah siber ada banyak jenis, antaranya penipuan pembelian online, pinjaman tidak wujud, African Scam, Love Scam, Parcel Scam dan yang paling popular, Macau Scam. Sindiket seperti Macau Scam licik memperdaya mangsa sehingga wang simpanan mencecah ratusan ribu ringgit dalam akaun bank lesap begitu sahaja.

Ahli sindiket Macau Scam sering menyamar sebagai pegawai penguat kuasa seperti polis, kastam, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan mahkamah selain pegawai bank.

Mereka akan menakut-nakutkan mangsa kononnya mangsa terlibat dalam jenayah pengubahan wang haram atau penyeludupan dadah. Mangsa juga didakwa mempunyai tunggakan saman atau cukai dan diminta segera membayarnya.

Suspek selalunya akan menelefon mangsa secara rawak. Di sini, mangsa yang bijak akan terselamat manakala mangsa yang ceteck pengetahuan mudah terjerat.

Secara logiknya, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang sedang dikuatkuasakan, sepatutnya tiada kes individu yang menjadi mangsa. Namun, perkara

sebaliknya yang berlaku. Biarpun tidak keluar rumah, mangsa masih mampu dipedaya untuk menyerahkan wang dan maklumat akaun bank.

Apa yang menghairankan, sungguhpun polis kerap melaksanakan langkah pencegahan termasuk pelbagai kempen, namun kes baharu tetap berlaku. Polis Diraja Malaysia (PDRM) bukan sahaja telah mendidik masyarakat dengan ceramah-ceramah, bahkan kempen itu turut disebarluaskan menerusi media sosial seperti Facebook.

Pengetahuan

Malangnya kes ini masih berlaku, mengapa? Adakah sebab masyarakat kita kurang celik atau tidak serik-serik kerana seolah-olah enggan mengambil iktibar?

Faktanya, pada 9 April lalu, akhbar melaporkan seorang guru wanita berusia 38 tahun di Johor, kerugian RM387,000 dipercayai ditipu individu yang menyamar sebagai polis trafik menerusi panggilan telefon.

Guru sebuah sekolah rendah itu dikatakan menerima panggilan telefon daripada suspek pada 4 Februari lalu, memaklumkan mangsa terbabit dengan kes langgar lari.

Mangsa kemudian diarahkan supaya membuka akaun bank yang baharu atas nama mangsa, bertujuan meyakinkan mangsa bahawa wang mangsa adalah 'selamat'.

Selepas itu, suspek mengarahkan mangsa memindahkan semua wangnya ke dalam akaun yang baru dibuka itu.

Tidak cukup dengan itu, mangsa juga diarahkan merahsiakan perkara itu daripada keluarga dan kawan-kawan. Malah, bagi memastikan

bukti penipuan itu tidak dapat dikesan, suspek mengarahkan mangsa memadamkan rekod perbualan dalam WhatsApp dan menghapuskan slip bank yang berkaitan bagi menghilangkan bukti dan keterangan.

Mangsa tidak menyedari kehilangan wang kerana suspek menggunakan perbankan internet untuk mengawal akaun berkenaan sebelum menghilangkan diri.

Apa yang berlaku itu perlu diambil berat oleh semua rakyat kerana mangsa tidak mengira bangsa, umur dan agama. Celiklah mata wahai masyarakat bahawa penjenayah siber sentiasa mencari peluang memburu mangsa yang ceteck pengetahuannya.

Harus diingat, pihak berkuasa tidak akan berurus dengan orang ramai menggunakan panggilan telefon kecuali bagi urusan kecil pentadbiran seperti menetapkan tarikh temu janji. Jika betul polis ingin menangkap anda, sudah tentu mereka akan mencari anda di rumah!

Justeru, jangan mudah percaya dengan mana-mana pihak yang mengaku mereka daripada agensi kerajaan atau kenalan baru yang dikenali menerusi media sosial apatah lagi kalau dia meminta untuk memasukkan wang ke dalam akaun bank milik individu lain.

Orang ramai juga disaran membuat semakan ke atas nombor akaun yang diberikan sindiket. Jika awas, semaklah melalui <http://ccid.rmp.gov.my/semaikmule/> bagi mengetahui sama ada nombor akaun atau nombor telefon si pemanggil pernah disiasat sebelum ini.

* Muhammad Afham Ramli ialah Wartawan Sinar Harian Meja Jenayah